

9930849

2436

PERHUBONGAN NEGERI MELAKA DENGAN ORANG-ORANG ASING

(Latehan Ilmiah Pendek)

oleh

ABDUL AZIZ BIN MOHAMED

PERPUSTAKAN
JABATAN PENGAJIAN MELAYU

Perpustakaan Universiti Malaya



A515619292

Jabatan Pengajian Melayu

Universiti Malaya

Kuala Lumpur

Disember 1962

Kandongan

	halaman
Pendahuluan	1
Orang-orang asing di-Melaka	5
Peranan orang-orang asing	9
Perhubungan Melaka dengan negara2 asing	18
Penutup	23
Senarai buku-buku bacgaan	26

PENDAHULUAN

Dalam karangan ini penulis akan mengkaji perhubungan masyarakat Melaka¹ dengan orang² asing yang bukan orang Eropah. Kajian ini berdasarkan atas buku Sejarah Melayu sebagai sumber yang utama. Di-samping itu akan di-guna juga bahan² dari sejarah tertulis untuk perbandingan. Tujuan kajian ini untuk melihat peranan orang asing dan pengaruh mereka dalam masyarakat Melaka dari Sejarah Melayu dan dari sejarah sejati.

Dalam membuat kajian ini tak ada buku sastera Melayu yang paling baik dari Sejarah Melayu. Sejarah Melayu adalah buku sastera Melayu berchorak sejarah yang terpenting sekali. Sejarah Melayu banyak sekali memuat bahan² sejarah di-banding dengan buku² lain seperti Hikayat Raja-raja Aceh, Hikayat Aceh atau lain². Sejarah Melayu adalah sumber yang kaya sekali bagi mengkaji kebudayaan/masyarakat Melaka. Di-dalam-nya terkandung berbagai-bagai lapangan kebudayaan termasuklah tentang perhubungan Melaka dengan orang asing. Dalam segi ini tiada sastera Melayu lain yang menchatet lebih banyak tentang perhubungan Melaka dengan orang² asing. Sejarah Melayu bukan sahaja bersifat sejarah daerah, tetapi juga di-katakan juga tentang negeri² Arab, India, di-sabelah barat; negeri China, Kamboja dan Siam di-sabelah utara; selain daripada daerah² di-sekitar Melaka seperti Jawa dan Sumatra.

Melaka yang di-maksudkan di-sini ialah Melaka dari zaman berdiri-nya hingga kepada kejatohan-nya ka-tangan orang Portugis.

Dalam kajian ini masyarakat Melaka di-kira segala orang² Melayu di-bawah pentadbiran Kerajaan Melaka, termasuklah orang² dari negeri² yang di-ta'alok oleh Melaka seperti Pahang, Kampar dll. Orang asing yang bukan orang Eropah di-maksudkan segala orang² yang tidak termasuk dalam masyarakat Melaka, seperti orang India, China dll.

atau Jambi. Tambahan pula Selat Melaka adalah lalu lintas antara Timor dan Barat. Tidak kurang penting-nya pada masa itu negeri China yang di-perentahi oleh Maharaja Ming sedang melancharkan dasar penyibaran perniagaan ka-Tenggara Asia. Melaka beroleh keuntungan besar dari perniagaan China ini.

Pada T.M.1414 Parameswara menganut ugama Islam. Perniagaan Melaka makin lagi bertambah oleh perniagaan orang Muslim Gujerat " who by their trading activities eventually made the city the greatest emporium in South East Asia "¹

Untuk menjaga keselamatan Melaka bernaung di-bawah Maharaja China. Dengan ini Melaka bebas dari anchaman Siam. Setelah kedudukannya tegoh Melaka mula melancharkan dasar penjajahan. Dasar ini berpuncha dalam zaman pemerentahan Sultan Mansur Shah (1459-1477), Sultan Melaka yang ke-lima selepas Sultan Muzaffar Shah, Parameswara Deva Shah Seri Maharaja dan Parameswara. Dalam zaman pemerentahan Sultan Mansur nama Melaka meningkat tinggi menjadi suatu kuasa yang gagah sataraf dengan Majapahit. Kota Melaka bukan sahaja menjadi pusat perniagaan bahkan juga pusat penyibaran ugama Islam di-Tenggara Asia. Dengan kepintaran dan kehandalan Tun Perak seorang Bendahara yang amat luas pengaruh-nya dari semenjak pemerentahan Sultan Muzaffar Shah, jajahan ta'alok Melaka tersibar ka-Pahang, Johor, Jambi, Kampar, Bengkalis, Pulau² Karimun dan Bintan. Penduduk² Melaka berjumlah 40,000 termasuk orang² asing yang tinggal di-pelabohan. Penyibaran ta'alok Melaka berlanjut hinggalah kapada zaman Sultan Mahmud (1488-1511), Sultan Melaka yang akhir. Jajahan Melaka yang di-tambah oleh Sultan Mahmud ialah Manjong, Bruas dan Kelantan. Kemashoran dan kekayaan

1 Moorhead, R.J., A History of South-East Asia and Her Neighbours, m.s. 119

2 ibid, m.s. 134

Melaka telah sampai ka-munchok-nya bila dia di-serang dan di-kalahkan oleh sabuah kuasa Barat yang lebeh kuat pada tahun 1511 T.M.

Kajian ini terbagi kapada empat bahagian. Bahagian pertama membentang segala orang2 asing yang tersebut dalam Sejarah Melayu serta huraian tentang asal usul kedatangan mereka. Asal usul ini akan di-banding dengan bahan2 sejarah. Lapangan yang terpenting sekali iaitu ' Peranan Orang2 Asing ' akan di-bichara dalam bahagian kedua. Yang di-maksod dengan 'peranan ' ialah pekerjaan dan pengaruh mereka ka-atas masharakat Melaka dalam bidang ekonomi, sosial dan ugama. Untok melihat sa jauh mana peranan orang asing yang di-gambarkan dalam Sejarah Melayu benar penulis akan membanding-nya dengan bahan2 sejarah yang di-tulis oleh orang2 Eropah saperti Hall dan Harrison. Bahagian ketiga membicharakan perhubungan Melaka dengan negara2 asing . Dalam bahagian akhir penulis akan memberi pendapat2 yang timbul dari persamaan dan perbizaan antara chatetan Sejarah Melayu dengan bahan2 sejarah. Ini akan memberi gambaran tentang penulisan sejarah Melayu.

Naskhah Sejarah Melayu yang di-guna ialah naskhah Shellabear chetakan Malayan Publishing House, Singapura. Dari ketiga2 naskhah Sejarah Melayu yang ada sekarang - naskhah Raffles MS 18, naskhah Abdullah Munchi dan naskhah Shellabear - naskhah Shellabear-lah yang memberi chatetan yang banyak sekali. Tambahan pula apa yang tersebut dalam naskhah yang dua itu tentang orang2 asing semua-nya terdapat dalam naskhah Shellabear. Oleh Professor Roolvink di-katakan naskhah Shellabear adalah naskhah yang paling lengkap¹ . Itulah sebab-nya penulis memilih naskhah Shellabear dalam kajian ini.

1 Kuliah Professor Roolvink kapada penuntut jurusan khas pada pada 19hb.July, 1962

ORANG-ORANG ASING DI-MELAKA

Orang2 asing yang terdapat dalam masharakat Melaka ialah orang Inida, orang Arab, orang Champa , orang China dan orang Jawa. Yang mendapat perhatian pengarang Sejarah Melayu ialah orang India dan orang Arab. Gulongan2 yang lain di-sebut sachara lalu sahaja.

Mengikut Sejarah Melayu orang Keling yang mula sekali bertapak di-Melaka ialah Mani Purindam, anak raja Pahili, sebuah negeri di-India. Mani Purindam telah bertelingkah dengan adek-nya yang mengganti takhta ayah-nya . Lalu ia belayar ka-Melaka dengan tujuan hendak sembah raja Melaka kerana " pada zaman ini raja Melaka itu raja besar; patut-lah aku sembah. Lagipun baginda itu daripada anak chuchu Raja Iskandar Dzu'l Karnain " ¹. Dalam pelayaran-nya ka-Melaka kapal-nya karam di-Jambu Ayer, tetapi ia telah di-selamatkan oleh ikan alu-alu yang membawa-nya ka-pantai Pasai. Oleh Raja Pasai Mani Purindam di-kahwin kan dengan puteri-nya. Keturunan-nya-lah yang menjadi Raja-raja Pasai di-kemudian hari. Salepas beberapa lama di-Pasai Mani Purindam kembali ka-benua Keling , kemudian ia belayar ka-Melaka dengan tujuh buah kapal. Sampai di-Melaka ia di-kahwinkan dengan Inu Rana Sandari, anak Seri Nara Diraja, beroleh dua orang anak, Tun Ali dan Tun Wati. Tun Wati kemudian di-ambil oleh Sultan Muhammad Shah di-jadikan isteri-nya. Rombongan Mani Purindam ini-lah yang mula2 datang ka-Melaka. ² Perkampungan mereka di-gelar kampung Keling

Dari sumber2 sejarah kedatangan Mani Purindam itu tiada di-sebut . Tetapi nyata orang Keling telah datang ka-Tenggara Asia semenjak kurun ke-enam sabelum masehi. ³ Yang mula2 sekali datang ka-pulauan

1 Sejarah Melayu, naskhah Shellabear, m.s. 83

2 ibid , m.s. 168

3 Harrison, B, South-East Asia , m.s. 10

Melayu ialah ahli perniagaan , di-ikuti oleh pengembara dan pengembang² ugama Hindu dan Buddha. Orang² ini datang dan tinggal di-pelabohan² di-Tenggara Asia. Tujuan mereka yang penting datang ka-sini ialah kerana menchari timah dan emas . Kedua² bahan ini terdapat di-Malaya¹ pada zaman dulu . Untuk meninggikan taraf mereka mereka berkahwin dengan anak² pembesar dan raja tempatan.² Dengan hal yang demikian cherita kedatangan Mani Purindam dan perkahwinan-nya dengan anak Seri Nara Di-Raja dapat di-terima kerana sa-chochok dengan unsor² sejarah. Salepas perkahwinan ini pengaruh Keling dalam masharakat Melaka bertambah , terutama sekali dengan penabalan Raja Kassim (chuchu kapada Mani Purindam) sabagai Sultan Melaka pada tahun 1445T.M. Di-antara orang² yang datang dari India orang Gujerat (tiada di-sebut dalam Sejarah Melayu) yang ramai sekali. Mengikut Tomes Pires , ahli sejarah Portugis³ bilangan orang Gujerat yang tinggal di-Melaka berjumlah kira² 1000 orang³

Dari negeri Arab yang pertama sampai di-Melaka ialah Sayyid Abdul Aziz di-hantar oleh nabi Muhammad untuk mengislamkan Melaka. Berikut ini datanglah orang² Arab lain kerana berniaga di-pelabohan Melaka. Hal ini dapat kita ketahui bila pengarang mencherita tentang nama ' Melaka ' : Maka oleh segala orang Arab di-namai-nya Malakat , ia⁴ itu pasaran di-mana berjenis barang dagangan berkumpul . Satelah Melaka menganut Islam datang pula dua orang ualama' Arab - Maulana Abu Bakar dalam zaman pemerentahan Sultan Mansur (1459-1477) dan maulana Sadar Jahan dalam zaman pemerentahan Sultan Mahmud (1488-1511). Satakati ini sahaja Sejarah Melayu menyebut berkenaan orang Arab yang tinggal di-Melaka . Kediaman orang² dari tanah Arab tak dapat di-sangkal lagi. Orang² Arab adalah pengembara dan ahli perniagaan yang termuka. Mereka telah mengunjungi Pulau² Melayu dan China dari semenjak kurun

-
- 1 Harrison, B, South-East Asia, m.s. 10
 - 2 Hall, D.G.E, A History of South-East Asia, m.s. 18
 - 3 Harrison , B, South-East Asia, m.s. 62
 - 4 Sejarah Melayu, naskhah Shellabear , m.s. 82

ke-tujuh kerana mencari bahan² rempah dan obat¹. Hall juga berkata dalam kurun ke-sembilan/^{salepas masehi}terdapat gulungan² orang Arab yang tinggal² di-beberapa pelabohan yang letak di-tepi perjalanan ka-negeri China. Olehkerana Melaka letak-nya di-tepi lalu lintas Selat Melaka, bila di-tuboh sahaja pelabohan-nya datanglah orang² Arab kerana berniaga di-samping mengembangkan ugama Islam, seperti Maulana Abu Bakar dan Maulana Sadar Jahan itu.

Kebesaran Sultan Mansur³ (1459-1477) telah sampai ka-telinga Maharaja China. Satu utusan China di-hantar ka-Melaka dengan saorang puteri Maharaja China, Hang Li Poh, untuk di-jadikan isteri Sultan Mansur, bersama² dengan 500 orang China. Sampai di-Melaka mereka semua telah di-islamkan dan di-tempatkan di-Kampong China. Ini adalah gulungan orang² China yang mula diam di-Melaka. Tetapi mengikut sejarah orang China telah berada di-Melaka semenjak pemerentahan Parameswara lagi. Dalam T.M. 1403 sabuah kapal China di-bawah Laksamana⁴ Yin Ching telah tiba di-pelabohan Melaka. Dua tahun kemudian Parameswara telah menghantar satu utusan Melaka ka-negeri China. Berikutan dengan ini Parameswara telah di-i'tiraf oleh Maharaja China sabagai Raja Melaka. Semenjak ini perhubungan antara negeri China dengan Melaka makin rapat. Book 325 Sejarah Ming dan Hai Yu (Berita dari Lautan)^{T.M.} yang di-tulis pada tahun⁵ 1537 memberi gambaran tentang kehidupan di-Melaka: orang² China di-larang makan babi. Ini membayangkan, Kata Purcell, di-satu masa ~~sabelum~~⁶ terkarang-nya Hai Yu itu orang China telah mula tinggal di-Melaka.

Kedatangan orang Champa di-akibatkan oleh peperangan-nya dengan

-
- 1 Wheatley, P. The Golden Khersonese, m.s. 210
 - 2 Hall, D.G.E. A History of South-East Asia, m.s. 176
 - 3 Sejarah Melayu, naskhah Shellabear, m.s. 129
 - 4 Moorhead, A History of Malaya and Her Neighbours, vol I, m.s. 123
 - 5 Purcell, V.C. The Chinese Settlement of Malacca, JMBRAS, vol 20, pt I, '4
 - 6 ibid, m.s. 117
 - 7 Sejarah

orang Kunchi (Anam) . Champa telah kalah. Shah Indera Berma dan Shah Pau Ling , kedua2-nya anak Raja Champa sempat melepaskan diri . Shah Pau Ling lari ka-Acheh dan Shah Indera Berma lari ka-Melaka¹ , di-mana ia di-lantek menjadi menteri oleh Sultan Mansur² . Kenyataan ini dibuktikan oleh sejarah walaupun nama dua putera raja itu itu tiada di-sebut. Mengikut Marrison, Vijaya , kota Champa telah di-tawan oleh orang Anam pada T.M. 1471³ , dan Sultan Mansur mangkat pada tahun 1477. Dengan hal yang demikian ketibaan Shah Indera Berma di-Melaka adalah sachochok dengan tarikh sejarah . Hall juga memberi tarikh yang sama dengan Marrison⁴ . Begitu juga Tomes Pires dalam karangan-nya mengatakan saorang Shahbandar di-lantek bagi mengawal orang China , Formosa dan Champa⁵ . Ini menunjukkan bilangan orang Champa bukanlah ramai.

Pengarang Sejarah Melayu telah mengabaikan orang Jawa saolah2 golongan mereka tiada tinggal di-Melaka. Namun begitu orang2 Jawa telah bertapak di-Melaka semenjak tertuboh-nya . Mereka ini adalah pengikut2 Parameswara^k . Mungin tanpa pertolongan orang2 Jawa ini Parameswara tiada berjaya mendirikan pelabohan-nya. Winstedt berkata di-pelabohan Melaka tinggal orang2 Jawa di-samping bangsa2 lain. Pengaruh Jawa dapat di-lihat dalam buku2 sastera Melayu yang di-tulis pada zaman Melaka. Cherita Damar dan Panji Jawa yang termuat dalam chetera 5 dan 14 dalam Sejarah Melayu yang di-kaji ini , dengan bait-bait-nya yang berupa Jawa datang tak lain dari perkampungan orang Jawa di-Melaka. Orang2 China bila memberi rahsia kepada orang Portugis tentang jumlah hulu-balang2 Melaka mengatakan Raja Melaka mempunyai 20,000 askar , ini termasuk orang Jawa⁷ . Di-antara pedagang2 yang berniaga dan tinggal di-Melaka,

- 1 Sejarah Melayu, naskhah Shellabear, m.s. 162
- 2 ibid m.s. 162
- 3 Marrison, G.E. The Chams of Malacca , JMBRAS, vol 24 ,pt I, Feb. 1951
- 4 Hall, D.G.E. A History of South East Asia , m.s 168
- 5 Marrison, G.E. The Chams of Malacca , JMBRAS, vol 24, pt. 1 , Feb 1951
- 6 Winstedt, R.O. History of Classical Malay Literature, JMBRAS , vol 31 pt.3 , 1961
- 7 Winstedt, R.O. History of Malaya , JMBRAS, vl.12,pt1,1935, m.s. 63

kata Hall , terdapat anak² raja¹ Jawa , salah saorang-nya mempunyai tak kurang dari 6,000 hamba . Dari keterangan² ini tak dapat di-napi lagi kediaman orang² Jawa² Jawa di-Melaka biarpun pengarang Sejarah Melayu tiada menyebut.

PERANAN ORANG-ORANG ASING

Sejarah Melayu tiada memberi gambaran yang memuaskan tentang peranan orang asing . Apa yang di-sebut jauh dari memuaskan. Dengan hal yang demikian penulis terpaksa menchari keterangan dari bahan² sejarah supaya dapat membuat gambaran yang lanjut. Tentang pedagang² yang berhimpun di-Melaka Sejarah Melayu chuma menchatit ' terlalu ramai pedagang di-Melaka² . Dari mana datang mereka ini tiada di-terangkan . Dari sejarah kita di-terangkan ramai orang² asing berkumpul di-Melaka kerana urusan perniagaan dan mereka-lah yang bertanggung jawab menjadikan Melaka pusat perniagaan yang besar. Tujuan asasi ialah kerana berniaga, tetapi selain daripada itu sagolongan kecil dari mereka membawa maksod yang berlainan - untok mengembangkan ugama Allah iaitu ugama Islam. Dalam lapangan ini Sejarah Melayu menyebut Sayyid Abdul Aziz orang Arab yang pertama datang ka-Melaka dan dua ulama¹ Tanah Arab yang lain . Mereka bertiga inilah yang bertanggung jawab menegak dan menegohkan ugama Islam di-Melaka sapanjang yang di-cherita dalam Sejarah Melayu. Dalam kerajaan Melaka orang asing tiada di-beri apa-apa jawatan selain dari Raja Mandaliar yang telah di-lantek oleh Sultan Mahmud menjadi Shahbandar . Raja Mandaliar adalah orang asing yang pertama dan akhir memegang jawatan dalam pentadbiran negeri Melaka. Raja Mandaliar adalah saorang Keling. Pelantekan-nya di-sebabkan semenjak Raja Kassim menjadi Sultan Melaka perhubungan antara istana Melaka dengan orang Keling lebih rapat daripada perhubungan dengan

1 ' A History of South-East Asia ', m.s. 183

2 Sejarah Melayu, naskhah Shellabear , m.s. 82 dan 247

orang2 asing dari bangsa lain. Sebab-nya Raja Kassim keturunan dari orang Keling , nenek-nya ialah Mani Purindam , orang Keling yang mula2 sampai di-Melaka. Pelantekan Raja Mandaliar menunjukkan juga dari berbagai2 bangsa yang tinggal di-Melaka, chuma orang Keling sahaja yang beroleh keperchayaan Sultan Mahmud.

Sunggoppun Sejarah Melayu tiada memberi perhatian terhadap peranan dan pengaruh orang2 asing , namun peranan mereka sangat penting. Kalau tidak kerana orang2 asing penubuhan Melaka akan kechiwa. Ekonomi Melaka samata-mata bergantung kapada perniagaan. Bahan makanan pun terpaksa di-bawa masuk dari Sumatra¹ , olehkerana tanah Melaka tiada subur untuk tanaman . Perniagaan orang asing-lah yang mengubah Melaka dari sebuah kampong nelayan kecil kapada sebuah 'emporium' yang terbesar sekali di-Tenggara Asia. Kerana letak-nya di-tengah lalu lintas dinatara benua China dan India Melaka menjadi importer dan expoter yang besar. Pedagang2 dari saganap cherok datang menjual dan membeli barang2 di-Melaka . Dalam hal ini D'Albuquerque menulis " Every year during the Malay periods ships belonging to Cambaya , Chaul, Dabul, Calicut , Aden, Mecca, Xaxer(Shehe, a port on the East Coast of Arabia), Juddah, Coromandal , Bengal, China , Ghores (Liu ChiuIsle) , Jawa, and Pegu used to come to Malacca"² . Melaka telah menjadi exporter bahan rempah yang terbesar sekali dalam dunia dalam kurun ke-16. Tomes Pires berkata " Manusia tiada boleh menilai kekayaan Melaka "³ . Ahli2 sejarah Portugis yang datang ka-Melaka saperti Barbosa sangat terpesona bila melihat kekayaan Melaka.

Perniagaan orang2 asing itu adalah sumber utama pendapatan Melaka untuk perbelanjaan negeri. Yang beroleh keuntungan besar ialah

1 Ma Huang , saorang China Muslim yang menjadi penterjemah kapada Laksamana Cheng Ho menulis ' The soil (of Malacca) is barren and saline and crops are poor , so that agriculture is not in favour', Moorhead , A History of Malaya and Her Neighbours , m.s. 116
Purcel, V.G. The Chinese Settlement of Malacca , JMBRAS vi20,pt1, 1947
Harrison, B. South-East Asia , m.s. 64

pehak pembesar2 Kerajaan. Salain dari memegang jawatan dalam pentadbiran negeri mereka juga mengambil bahagian dalam perniagaan seperti Bendahara Tun Mutahir. Segala barang2 yang di-bawa masuk ka-Melaka di-kenakan cukai . Hasil2 dari cukai di-bagi antara sultan dan pembesar2 Kerajaan . Kekayaan Sultan2 Melaka dapat di-lihat harta Sultan Mansur yang berjumlah ¹ 140 quintal emas . Begitu juga pegawai2-nya seperti Bendahara Tun Mutahir terlampau banyak harta-nya , di-beri-nya emas kepada anak2-nya untuk bermain. Dan sebab bilangan hamba-nya banyak dan mereka berpakaian begitu elok , hinggakan ia sendiri selalu sangkakan mereka itu tetamu . Sebab kekayaan-nya Melaka menjadi negara yang gagah bukan sahaja dalam harta kekayaan bahkan juga dalam tenaga . Sebab itulah ia di-takuti oleh negeri2 tetangganya . Inilah yang menyebabkan Melaka meminda dasar luar negeri-nya apabila ia melancarkan dasar penjajahan dari zaman Sultan Mansur (1459-1477) . Kekuatan Melaka telah di-gambarkan oleh Pires dengan " Whoever is lord of Malacca has his hands on the throat of Venice " 2. Venice adalah sa-buah ibu kota yang kuat di-Eropah pada kurun ke-16.

Pengaruh orang asing dalam lapangan sosial tidak kurang penting-nya. Perlembagaan negeri Melaka berdasarkan atas keperchayaan Hindu iaitu ' negara itu bayangan chakerawala2 dan dewa2 '. Berdasarkan keperchayaan ini susunan pentadbiran negeri Melaka terdiri dari empat menteri mewakili dewa2 pelindung dan dewa2 utama , di-samping berpuluh2 pegawai yang lain. Pegawai yang empat inilah yang paling penting sekali , di-ketuai oleh Bendahara. Bersama2 dengan Sultan mereka teraju pemerintahan negeri terletak dalam tangan mereka. Bendahara salain dari memegang jawatan Perdana Menteri juga menjadi Menteri Kewangan , Menteri Kehakiman dan Turus Angkatan Perang . Pegawai yang tiga lagi ialah Temenggong , Bendahari dan Laksamana . Sebagai

1 1 quintal bersamaan dengan 100lb.

2 Harrison, B. South-East Asia , m.s. 64

ketua polis , Temenggong bertugas menjaga keamanan dan bertanggung jawab atas mendirikan rumah2 penjara dan menangkap orang2 salah. Bendahari ialah pemegang kunchi khazanah Sultan, menjaga harta2 Sultan dan Laksamana adalah Penglima Angkatan Laut. Selain dari empat pegawai ini terdapat juga pegawai yang menjaga pelabohan iaitu Shahbandar. Tugas-nya mengurus hal-hal perniagaan , menjaga hal orang masok(immingran) dan mengurus perkara2 yang berhubung dengan pelabohan dan pemungutan cukai2 .

Ugama yang mula2 bertapak di-Melaka ialah ugama Hindu oleh-kerana pengasas negeri Melaka (Parameswara) seorang Hindu. Tetapi selepas satu ketika ugama Hindu telah lenyap dari bumi Melaka di-ganti dengan ugama Islam . Mengikut Sejarah Melayu kedatangan ugama Islam adalah berikutan dari mimpi Raja Kechil Besar , raja Melaka yang keempat. Dalam mimpi-nya ia berjumpa dengan nabi Muhammad yang mengajar-nya kalimah shahadat, dan memberitahu kepada-nya sebuah kapal dari Juddah akan sampai di-pantai Melaka pada kaesokan hari-nya . Ia hendaklah mengikut orang2 yang turun dari kapal itu bersembahayang. Betul seperti mimpi-nya itu pada kaesokan hari-nya waktu petang datang sebuah kapal dari Juddah membawa Sayyid Abdul Aziz . Dari semenjak ini seluruh ra'ayat Melaka dari raja hingga kepada pegawai dan raayat memeluk ugama Islam . Nama2 Hindu mereka di-tukar dengan nama Islam . Raja Kechil Besar mengambil nama Sultan Muhammad Shah.

Peristiwa ini menunjukkan ugama Islam di-bawa ka-Melaka terus menerus dari negeri Arab. Tetapi penyiasatan ahli2 sejarah ugama Islam datang ka-Tenggara Asia bukan terus dari negeri Arab, bahkan melalui India kerana negeri India terlebih dahulu menganut Islam dari Tenggara Asia. Dan yang memainkan peranan penting dalam kemasokan ugama Islam ka-kepulauan Melayu bukan orang2 Arab seperti yang di-amaksoikan dalam oleh Sejarah Melayu , tetapi orang India Muslim dari Pantai

Koromandal dan Gujerat. Olehkerana Perlak dan Pasai pelabohan yang mula2 menganut Islam , orang2 Islam dari sini-lah yang bertanggung jawab mengislamkan Melaka. Mengikut Moorhead pada T.M. 1414¹ Parameswara berkahwin dengan puteri Sultan Pasai dan terus ia memelok ugama Islam , dan gelaran-nya ialah Megat Iskandar Shah². Tetapi mengikut Harrison berdasar atas tulisan Tomes Pires Parameswara masuk Islam akibat dari tekanan Raja Pasai. Parameswara telah meminta Raja Pasai mengi'tirafkan Melaka sabagai sabuahpelabohan perniagaan supaya dapat Melaka bayar segala barang2 impot-nya dengan emas. Oleh Raja Pasai di-kenakan sarat ^{kapada} ~~eres~~ Parameswara : terlebeh dahulu ia hendaklah memelok ugama Islam. Ini Parameswara enggan . Tetapi kemu- dian-nya ia bersetuju , lalu masuk Islam³ . Sunggohpun Parameswara telah masuk Islam tetapi pengganti-nya belum lagi ingin memelok Islam dengan sapenoh hati ; mereka maseh lagi mengguna nama2 Hindu . Tetapi bila Sultan Muzaffar Shah naik takhta pada tahun 1445 ugama Islam meresap ka-seluruh raayat jelata. Dan Melaka menjadi pusat penyibaran ugama Islam terutama sekali dalam zaman pemerentahan Sultan Mansur. Sultan Mansur membawa ugama baru ini kapada Raja Pahang dan Kedah di-sabelah utara , dan di-sabelah selatan Siak, Kampar , Inderagiri dan Jambi. Dalam pekerjaan ini yang memainkan peranan penting ialah orang2 Arab dan orang Muslim Gujerat . Kedua2 gulongan bangsa ini adalah ahli perniagaan yang tekenal. Dengan pengaruh mereka penyibaran ugama Islam ka-sekitar Melaka dengan pesat.

Satengah dari pada orang2 Arab yang tinggal di-Melaka menjadi uâama' dan guru2 kapda orang2 Melaka. Antara mereka ini Sejarah Melayu chuma menyebut dua orang uâama' selain dari Sayyid Abdul Aziz iaitu

-
- 1 Winstedt berkata (berdasar atas tulisan D'Albuquerque) bukan Parameswara yang berkahwin dengan puteri Raja Pasai, bahkan anak-nya Raja Besar Muda. Salepas perkahwinan ini isteri-nya memujuk ia memelok Islam.
 - 2 Moorhead, F.J. A History of Malaya and Her Neighbours, vl I, m.s. 123
 - 3 Harrison, B. South-East Asia , m.s. 56

Maulana Abu Bakar dan Maulana Sadar Jahan. Mereka datang kerana mengembang ajaran tassawuf. Maulana Abu Bakar membawa bersama2-nya kitab tassawuf Daru'l-mazlum yang membicarakan bahasa zat dan bahasa sifat. Murid2-nya termasuk Sultan Mansur Shah. Kedudukan maulana2 dalam masyarakat Melaka adalah tinggi. Pada satu masa Sultan Mahmud tidak di-benar oleh Maulana Yusoff masuk ka-rumah-nya kerana Sultan Mahmud datang dengan gajah dan di-benar masuk di-masa lain bila ia datang berjalan kaki dan memperkenalkan diri-nya dengan ' fakir Mahmud Di-lain masa Bendahara Tun Mutahir sendiri telah menahan Makhdom Sadar Jahan daripada balek ka-rumah-nya kerana marah kepada Seri Rama yang menudoh-nya datang ka-Melaka kerana menchari harta. Tetapi pujok rayu Bendahara itu tiada di-endah oleh Sadar Jahan. Demikianlah tingginya martabat dan kedudukan maulana2 Melaka.

Pengaruh Hindu dan Islam telah meresap ka-dalam undang2 yang di-chiptakan oleh orang2 Melaka. Dalam chetera ke-11 pengarang Sejarah Melayu berkata Sultan Muzaffar Shah telah meyuruh membuat undang2 " supaya jangan lagi bersalahan adat segala hukum menteri-nya " Undang2 ini ialah yang di-kenal dengan nama Undang-undang Melaka atau nama Arab-nya ' Risalat Hukum Kanun ' . Pengasas undang2 ini ialah Sultan Muhammad Shah, raja Melaka yang mula2 menganut agama Islam mengikut Sejarah Melayu. Dia-lah yang mula2 menetapkan larangan pemakaian kekuningan dan menyusun adat istiadat istana². Risalat Hukum Kanun dengan nyata memperlihatkan pengaruh orang2 Hindu dan Islam kerana dalam-nya terdapat persamaan dengan hukum Hindu dan Islam. Pengaruh Hindu ini terlihat dalam pelarangan atas pemakaian kekuningan dan hukum bunuh pada sepuluh pelanggaran iaitu membunuh, menikam, memaki, menchuri, merompak, menudoh, mendustakan hakim, mengkhianat dan melawan titah raja. Dalam hukum Hindu demikian juga hukuman-nya

1 Sejarah Melayu, naskhah Shellabear, m.s. 89

2 ibid, m.s. 76

1
atas kesalahan ini . Denda yang berbiza , iaitu bertambah berat bagi kesalahan yang di-lakukan ka-atas orang yang lebih tinggi dan besar pangkat-nya tak lain dari pengaruh sistem kasta Hindu . Mengikut Risalat Hukum Kanun pendendaan adalah hukuman yang umum , Ini juga pengaruh Hindu yang mengenakan blood-money sebagai menggantikan hukum bunuh .
2
Begitu juga hukuman yang berdasarkan penyeksaan seperti memasukkan tangan ka-dalam minyak atau ayer yang panas tak lain dari ujssor Hindu.

Undang2 yang berdasarkan hukum Islam adalah seperti hukuman rejam sampai mati terhadap orang yang melakukan zina. Risalat Hukum Kanun selain dari menerangkan denda mengikut Hukum Kanun , menyebutkan juga denda mengikut hukum Allah . Misal-nya mengikut Hukum Kanun kesalahan menudoh orang mengambil isteri orang adalah bunuh atau denda , tetapi mengikut hukum Allah di-suroh bersumpah atau bertobat.
3
Hukum lex talionis Islam dan Hindu terdapat juga dalam undang2 Melaka ini, iaitu saorang penchuri tidak akan di-hukum bunuh kerana kesalahannya tetapi di-potong tangan-nya sahaja. Ini adalah hukum Islam.

Demikianlah Risalat Hukum Kanun Melaka banyak memperlihatkan pengaruh orang2 Hindu dan Arab dalam kebudayaan masharakat Melaka.

Dalam lapangan politik kelihatan pengaruh orang Keling kuat sekali. Dari semenjak kedatangan-nya mereka sentiasa menchoba menegakkan pengaruh mereka dalam politik Melaka. Pada satu masa mereka telah berjaya memegang teraju pentadbiran negeri Melaka. Pada T.M.1446 Sri Maharaja telah mangkat dan anak-nya Raja Ibrahim dari isteri yang kedua di-tabalkan menjadi Sultan Melaka. Selain dari Raja Ibrahim Sri Maharaja mempunyai saorang anak lagi, iaitu Raja Kassim dengan isteri-nya yang pertama iaitu anak Raja Mani Purindam. Pelantekan

1 Lihat ' Hindu Law and Custom ' oleh J.Jolly, Culcutta , 1928

2 Winstedt, R.O. The Malays , A Cultural History, m.s. 101

3 Risalat Hukum Kanun , edisi van Ronkel, fasal ke-14

Raja Kassim menimbulkan rasa tidak puas hati dari pihak isteri-nya yang berketurunan Keling itu. Keadaan ini menjadi lebih kusot kerana kuasa di-pegang oleh Raja Rokan bagi pihak Raja Ibrahim. Raja Kassim telah di-halau oleh Raja Rokan dari istana kerana ia berketurunan Keling biasa. Pada suatu malam terjadilah rebutan kuasa di-ketuai oleh Tun Ali (bapa saudara Raja Kassim) dengan pertolongan seorang Arab, Jalaluddin. Dalam pemberontakan ini Raja Rokan dan Raja Ibrahim telah terbunuh . Raja Kassim lalu di-tabalkan sebagai Sultan Melaka bergelar Sultan Muzaffar Shah. Dengan ini teraju pemerintahan jatuh ka-tangan orang Tamil Islam. Tun Ali di-lantek menjadi Bendahara selepas Bendahara Seri Wak Raja membunuh diri.

Pelantikan Tun Ali sebagai Bendahara telah mencheraiakan masyarakat Melaka kepada dua golongan : golongan keturunan orang Tamil Islam dan golongan orang Melayu . Orang Melayu mendesak jawatan Bendahara di-beri kepada Tun Perak, anak Bendahara Seri Wak Raja. Perselisihan menjadi lebih tegang. Mujorlah dengan kebijaksanaan Sultan Muzaffar Shah Tun Ali bersetuju meletak jawatan-nya . Tun Perak kemudian di-lantek menjadi Bendahara . Keadaan telah pulih semula.

Mengikut Winstedt rebutan kuasa itu di-laksanakan oleh orang2 Keling Muslim yang benchikan Raja Rokan kerana ia telah menaikan chukai2¹ atas kapal2 dari Pantai Koromandal . Kematian Bendahara Tun Mutahir di-sebabkan juga oleh hasutan seorang Keling, Raja Mandaliar, yang di-lantek menjadi Shahbandar Melaka oleh Sultan Mahmud. Peristiwa2 ini mellihatkan betapa besar pengaruh orang Keling atas masyarakat Melaka dalam segi politik. Demikian juga serangan Portugis ka-atas Melaka akibat dari hasutan orang2 Keling Muslim. Kedatangan Portugis ka-Melaka akan merampaskan sabahagian daripada keistimewaan yang mereka perolehi

1 Winstedt, R.O. A History of Malaya , JMBRAS vol. 12, pt. I, 1935, m.s. 45

dalam perniagaan. Kerana kebimbangan ini mereka menghasut Bendahara Tun Mutahir supaya menangkap orang2 Portugis yang baru mendarat di-Melaka itu. Peristiwa ini membawa kepada serangan balas oleh Portugis yang berakhir dengan lenyap-nya Kerajaan Melayu Melaka.

Peranan orang2 China sunggohpun kurang tidak dapat di-abaikan . Di-antara orang2 asing yang tinggal di-Melaka bangsa China yang benchi kepada Kerajaan Melayu Melaka. Sebab itulah pengarang Sejarah Melayu tiada memberi perhatian terhadap orang China. Tidak saperti bangsa asing lain orang China berbelok kepada orang2 Portugis bila mereka datang menyerang Melaka. Mereka telah menawar bantuan kepada askar2 Portugis. Mereka meminjamkan kapal2 mereka kepada askar2 Portugis untuk mendarat di-pantai Melaka.¹ Dalam chatatan-nya Alfanso D'Albuquerque menulis[" Orang China telah berjanji 100 buah kapal China akan datang tiap2 tahun jika orang Portugis dapat mena'alok Melaka "². Bila Sequera sampai di-Melaka pada tahun 1509 orang2 China telah menchercha dan mengeji tentang orang2 Melayu Melaka kepada orang2 Portugis . Kata mereka orang Melayu Melaka jahat dan tiada boleh di-perchayai.]

1 Winstedt, R.O. A History of Malaya, JMBRAS vl 12, pt I, 1935, m.s. 63

2 Purcel, V.C. The Chinese Settlement of Malacca , JMBRAS , vl 20, ptI m.s. 120

PERHUBONGAN MELAKA DENGAN NEGARA-NEGARA ASING

Perhubungan Melaka dengan negara2 asing mengambil dua bentuk, yang pertama berchorak serangan dan yang kedua kerana tujuan lain seperti persahabatan, atau perkahwinan. Dalam Sejarah Melayu pertembongan melalui serangan yang banyak di-cherita. Dalam bahagian pertama Melaka telah dua kali di-serang oleh negeri Siam . Serangan2 ini berlaku dalam zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Shah(1445-1458) kerana ia enggan menyembah ka-bawah Maharaja Siam. Serangan pertama (T.M.1445) di-lancar dari negeri Pahang dapat di-patahkan oleh orang2 Melaka. Dalam serangan yang kedua askar2 Siam telah undor bila sampai di-Batu Pahat sabelum pertempuran berlaku olehkerana tertipu oleh putong2 api yang di-ikat oleh Bendahara Paduka Raja di-segala pohon kayu di-tepi pantai. Di-sangka-nya putong2 api yang terlalu banyak ini balatentera Melaka , mereka berasa takut lalu undor. Tetapi ahli sejarah Siam, Wood, memberi gambaran yang berlaianan. Kata-nya dalam serangan ini (1456) Siam dapat menawan bandar Melaka , tetapi tidak lama bila orang2 Melayu dapat merampas kembali bandar Melaka¹ . Hall, Winstedt dan Harrison tiada menulis apa2 tentang kejayaan Siam ini. Serangan Siam ketiga telah di-musnahkan dalam persiapan lagi oleh kematian putera Raja Siam yang akan mengepalai angkatan Siam. Ia di-bunoh oleh panah sakti Sidi Arab dari Melaka² .

Satelah bebas dari anchaman Siam Melaka terus melancharkan serangan2 ka-atas negeri2 tetangga-nya . Mangsa-nya yang pertama ialah negeri Pahang kerana " terlalu ingin badinda(Sultan Mansur) akan negeri³ itu . Pahang pada masa itu negeri besar di-bawah taalok Siam. Angkatan Melaka telah di-kepalai oleh Bendahara Paduka Raja (Tun Peraka) .

1 Wood, W.A.R. A History of Siam, m.s. 88

2 Sejarah Melayu, naskhah Shelleabear, m.s. 98

3 ibid , m.s. 99

Pahang telah kalah dan raja-nya , Maharaja ^{Dewa Sura} ~~Sura Doman~~ di-tawan.

Kemudian Kampar dan Siak jatuh ka-tangan Melaka. Kedua2 negeri ini enggan menyembah ka-Melaka, Pada masa ini Hujung Tanah sedang di-binasakan oleh Semerluki , anak Raja Makasar. Sultan Mansur Shah menghantar Laksamana mengusir Semerluki. Kemudian balatentera Melaka sekali lagi menyerang Kampar , kerana hendak mengtakhtakan Raja Zainal Abidin yang telah di-halau oleh adek-nya ¹ . Salain dari negeri2 ini ada beberapa buah lagi negeri yang di-taalok oleh Melaka dalam 18 tahun Sultan Mansur bertakhta. Negeri ini ialah Inderagiri, Pulau Bengkalis , Pulau Bintan, Rokan, Pulau Kariman dan Aru.

Dalam masa pemerentahn Sultan Alauddin Melaka terlibat dalam peperangan antara Aru dan Pasai. Melaka berpehak dengan Pasai. Angkatan laut Melaka telah mengalah angkatan Haru di-Pulau Arang-arang. Bila Sultan Mahmud naik takhta Melaka menyerang Manjong kerana raja-nya tiada ' muafakat dengan Beruas ' ² . Ini di-ikuti oleh serangan ka-atas Kelantan sebab raja-nya , Sultan Iskandar tiada menyembah ka-Melaka. Bila terdengar ka-Melaka Raja Legur , Maharaja Dewa Sura , hendak menyerang Pahang, Sultan Mahmud hantar tentera Melaka bagi membantu tentera Pahang. Dengan pertolongan ini serangan Legur telah mengalami kekalahan terok.

Peperangan dengan Siam telah pechah sekali lagi dalam pemerentahan Sultan Mahmud. Sebab-nya Sultan Mahmud tiada mahu mengi'tirafkan tuntutan Siam terhadap Melaka sebagai jajahan ta'alok Siam. ³ Sultan Mahmud menjawab Melaka chuma menyembah kapada Maharaja China. Mengikut Josselin de Jong dan van Wijk serangan ini berlaku lebehkurang sembilan tahun sabelum Diogo Lopas de Sequira sampai di-Melaka (Ogos-September 1509) ⁴

1 Sejarah Melayu, naskhah Shellabear, m.s. 162
2 ibid , m.s. 203

3 Hall, D.G.E. A History of South-East Asia, m.s. 183

4 P.e.de Josselin de Jong dan H.L.A. van Wijk dalam makalah ' The Malacca Sultanate ' di-terbitkan dalam Journal Southeast Asian History, vol I, no. 2 , September, 1960, m.s. 23

Maharaja Siam memerintah satu angkatan laut terdiri dari 200 buah kapal dan 6000 askar menyerang Melaka. Angkatan ini telah di-pukol ribut dalam perjalanan, chuma sakumpulan kechil sampai di-Pulau Sabat, di-mana mereka di-bunoh oleh orang2 Melaka. Peristiwa ini menyebabkan Maharaja Siam meranchang angkatan perang yang lebeh besar yang akan menyerang Melaka dari Kelantan dan Tenaserin dan Tavoi. Tetapi ranchangan ini telah di-batalkan bila Melaka telah di-tawan oleh Alfonso D'Albuquerque dalam tahun 1511. Tentang serangan Siam ini pengarang Sejarah Melayu telah menyembunyikan.

Dalam pertembongan yang tidak berchorak kekerasan Sejarah Melayu menyebut keberangkatan Sultan Mansor Shah ka-Majapahit kerana hendak meristerikan Radin Galoh Chendera Kirana, puteri betara Majapahit. Hang Nadim di-hantar ka-benua Keling kerana membeli kain serasah. Ulama2 Melaka bertukar fikiran dengan ulama2 Pasai tentang masa'alah ugama, tentang ajaran tassawuf. Dua utusan di-hantar ka-Pasai membawa soalan dari Melaka. Ulama2 Pasai lebeh di-hargai oleh masharakat Melaka dari ulama2 tempatan.

Pertembongan yang amat penting tetapi tiada menerima perhatian pengarang Sejarah Melayu ialah perhubungon Melaka dengan negeri China an keberangkatan sultan2 Melaka ka-negeri China. Penting-nya perhubungon ini dari segi keselamatan Melaka tak dapat di-napi lagi. Sejarah Melayu chuma menyebut kedatangan utusan China pada zaman pemerintahan Sultan Mansur dan pembalasan utusan Melaka ka-China berikutan dengan kedatangan puteri Raja China, Hang Li Poh ka-Melaka. Satelah menjadi anantu Maharaja China, Sultan Mansur kemudian menghantar utusan sembah kepada Maharaja China, yang mengakibatkan Maharaja China terkena penyakit gatal dan telah semboh satelah bermandikan ayer basoh kaki Sultan Mansur.

Mengikut sejarah dari semenjak penubohan-nya Melaka telah

bernaung di-bawah Maharaja China untuk mengelak serangan Siam. Wilkinson berkata bila Parameswara mendirikan Melaka kedudokan-nya sangat terancham terutama dari Siam¹. Jadi untuk mengelakkan serangan dan menguatkan kedudokkan-nya Parameswara minta bernaung di-bawah Maharaja China. Permohonan ini di-buat oleh Parameswara dalam T.M.1403 apabila utusan China Yin-k'ing sampai di-Melaka². Pada tahun 1405 Maharaja China melantek Parameswara Raja bagi negeri Melaka. Satelah ini Parameswara menghantar satu utusan ka-negeri China. Semenjak ini mengikut chronicle Ming perhubungan antara China dengan Melaka lebeh erat, masing2 menghantar utusan2. Tarikh yang penting dalam perhubungan China-Melaka ialah T.M.1409 apabila Laksamana Cheng Ho sampai di-Melaka dan mempersembahkan pakaian2 kerajaan dan chap mohar dari Maharaja China dan mengistiharkan dengan resmi Parameswara sabagai Raja Melaka³. Semenjak ini, kata Ma Hung, Melaka putus dari ta'alok Siam⁴. Dalam tahun 1411 Parameswara sendiri membuat lawatan ka-Negeri China untuk menemui Maharaja China. Rombongan-nya terdiri dari pegawai2 istana, menteri2 dan pegawai2 lain semua-nya berjumlah 450 orang⁵. Ia tinggal di-negeri China selama tiga tahun. Pada tahun 1419 sekali lagi Parameswara mengunjongi Maharaja China kerana meminta pertolongan melawan orang Siam.

Parameswara mangkat pada T.M.1424 dan di-ganti oleh anak-nya Sri Maharaja. Sri Maharaja juga berangkat ka-China kerana mendapat pengakuan dari Maharaja China. Utusan2 Melaka tak putus2 di-hantar ka-Melaka negeri China hingga ka-zaman Sultan Muzaffar Shah dan Sultan Mansur, kerana takutkan Raja Siam yang sentiasa menchari peluang

-
- 1 Wilkinson, R.J. The Malacca Sultanate, JMBRAS, vl 13, pt 2, 1935
 - 2 Hall, D.G.E. A History of South-East Asia, m.s. 180
 - 3 Wheatley, P. The Golden Khersonese, m.s. 325
 - 4 Hall, D.G.E. A History of South-East Asia, m.s. 181
 - 5 Purcel, V.C. The Chinese Settlement of Malacca, JMBRAS, vol 20, pt. II, 1947
 - 5 Winstedt, R.O. A History of Malaya, m.s. 40

menyerang Melaka. Segala utusan2 ini telah di-rahsiakan oleh pengarang Sejarah Melayu .

Dalam pemerintahan Sultan Mansur Melaka menghantar utusan ka-Raja Siam dengan tujuan menchapai perdamaian dan persahabatan. Tujuan ini telah di-sambut baik oleh Raja Siam. Semenjak itu tiadalah lagi Sejarah Melayu menyebut permusohan antara Melaka dengan Siam.

Untuk menjaga keamanan negeri2 ta'alok -nya Sultan-sultan Melaka/^{berkahw in} ~~mengawinkan~~ dengan puteri tawanan dan merajakan putera2-nya . Puteri Waneng Sari , anak Raja Pahang , di-ambil oleh Sultan Mansur di-jadikan isteri-nya . Puteri-nya Mahadewi di-kahwinkan dengan Megat Kudu, anak Raja Siak. Sultan Mahmud mengawinkan puteri-nya dengan Raja Abdullah raja Kampar dan ia sendiri berkahwin dengan Onang Kuning , puteri Sultan Kelantan . Dengan negara2 asing Sultan Mansur berkahwin dengan Radin Galoh Chendera Kerana, anak betara Majaphait , dan dengan Hang Li Poh anak Maharaja China. Perchantuman kekerabatan ini merapatkan lagi perhubungan antara negeri2 itu.

Sultan Mansur merajakan anak-nya Raja Muhammad di-Pahang oleh-kerana Raja Muhammad telah membunuh anak Bendahara Paduka Raja , Tun Besar. Menantu-nya Megat Kudu di-rajakan di-Siak . Sultan Alau'ddin merajakan putera-nya Raja Munawar di-Kampar.

Dari kajian diatas tak dapat di-sangkal lagi bahawa peranan orang2 asing dalam masharakat Melaka bukan sedikit. Pengaruh mereka menjalar ka-seluruh kehidupan masharakat Melaka dari lapangan sosial dan ekonomik hinggalah kapada lapangan politik Yang terpenting sekali tentang pengaruh mereka ialah dalam sudut ugama . Orang2 asing memba-wa nafas barus , nafas Islam kapada orang2 Melaka yang telah menjadi darah daging orang2 Melayu hingga ka-kurun dua puloh. Mereka juga telah menchantumkan kebudayaan2 besar dari India, China dan Timor Tengah li-pelabohan^{Melaka} untuk santapan orang Melaka dan seluruh orang Melayu. Dengan hal yang demikian telah tersebati dalam jiwa umat Melayu satu kebudayaan yang berchampur adok , kebudayaan kosmopolitan , yang menjadi usaka turun temurun hingga sekarang.

Dari sudut pensejarahan apa yang di-lukis oleh pengarang Sejarah Melayu tentang perhubungan Melaka dengan orang2 asing achap kali bertelingkah dengan sumber2 sejarah. Yang menarek perhatian kita sekali ialah kemasokan ugama Islam ka-Melaka dan perhubungan Melaka dengan negeri China. Tentang hal ini kenyataan Sejarah Melayu amat berseliseh dengan sejarah. Apa yang di-tulis dalam Sejarah Melayu sama sekali tidak berdasarkan kenyataan. Dari kacha mata masharakat sekarang perbuatan pengarang ini satu kechabolan kenyataan , tetapi dari pandangan masharakat dulu perbuatan-nya adalah kehendak mereka , kehendak masharakat dan zaman . Ia chuma menjalankan tugas-nya sebagai seorang 'penulis'. Sejarah bagi masharakat dulu bukan satu penyelidikan yang keritik dan objektib menchatit apa yang betul2 berlaku, bukan satu disiplin ~~atau statistics~~, saperti yang di-arti sekarang. Pensejaraan Melayu membawa makdod yang sangat berlainan . Pensejarahan Melayu apat di-bagi kapada dua bahagian. Bahagian pertama bersifat mitoloji tentang asal usul raja2 yang di-kaitkan dari keturunan dewa2 guna

memberi sakral magis kepada raja. ~~Dala~~ Raja itu di-katakan datang dari tingkat yang lain dari orang biasa. Dalam bahagian kedua ter-riwayat dapat/bangsa itu dari masa yang kurang jauh dari zaman kita sekarang. Dalam bahagian ini terlihat kechenderongan pengarang untok memberi lukisan yang gilang gemilang dan membesar2 kan raja2 mereka. Raja2 di-beri segala pemujaan dan kemuliaan. Lukisan ini berat sebelah. Demikianlah gambaran yang di-lukis oleh pengarang Sejarah Melayu. Kenyataan sejarah di-pinda mengikut hasrat hati bangsa Melayu. Perkar yang boleh menjatuhkan kedaulatan dan taraf mereka di-rahsiakan. Sebagai *chontoh kunjongan2* sultan-sultan Melaka ka-negeri China kerana menyembah Maharaja China di-rahsiakan, olehkerana gambaran ini merendahkan maruah bangsa Melayu. Pada hal mengikut sejarah lawatan2 tidak dapat di-tolak lagi. Sabalek-nya di-cheritakan hal yang tidak munasabah tetapi meninggikan kedaulatan dan nama raja2 Melayu, iaitu darihal Maharaja China memandikan ayer basok kaki Sultan Mansur kerana hendak menyembuhkan penyakit gatal akibat dari ^{daulat} tuah Sultan Mansur.

Tiap2 peristiwa yang berlaku di-sandarkan dengan alasan yang sedap di-dengar dan boleh di-perchaya^kan oleh masharakat. Tentang saintifik atau tidak-nya alasan itu tidak menjadi hal. Yang penting ialah adakah peristiwa itu mempunyai hubungan dengan apa yang berlaku Bagi masharakat yang tidak ~~yang tidak~~ membuat sempadan antara dongeng dari kenyataan perkaitan itu dapat di-buat ^{dari} dari cherita2 khayal. Demikianlah kedatangan ugama Islam ka-Melaka di-cherita dengan luar biasa penuh dengan unsor2 dongeng, amat berlainan dengan apa yang berlaku sabenar-nya, saperti yang kita lihat di-atas. Unsur ini satu daripada chiri2 penulisan sejarah Melayu. Inilah chara-nya pensejarah

- 1 sakral magis ialah satu daya memberi kedaulatan dan tenaga kepada raja2 untok ~~menjaga~~ beroleh keperchayaan raayat supaya dapat ia menjaga bangsa dan nosa dengan aman.
- 2 Juga di-panggil ' pendeta bahasa ', tugas-nya sama.

menulis sejarah dengan tidak peduli akan kenyataan. Tak hairanlah kita hasil-nya merupakan sa-buah tulisan yang di-sesuaikan dengan keadaan sekeliling mengikut kehendak dan hasrat raja dan masharak^at.

Dari pendapat2 ini nyata buku Sejarah Melayu bukan sabuah buku sejarah dalam arti kata yang di-pakai oleh orang dalam abad dua puloh. Pada keselurohan-nya Sejarah Melayu merupakan satu sejarah kebudyaan (cultural history) kerana di-dalam-nya terkandung unsur sejarah kebudayaan masharakat Melayu Melaka. Tak dapat di-napikan lagi Sejarah Melayu sabagai sabuah hasil sastera Melayu yang berwarna sejarah , di-tulis untuk keperluan raja , dinasti dan Kerajaan Melayu Melaka.

26

Buku-buku bacaan :

- D.G.E.Hall , A History of South-East Asia, London, 1958
- P.Wheatley, The Golden Khersonese, Kuala Lumpur, 1961
- B.Harrison, South-East Asia, London, 1957
- C.Hooykaas, Perintis Sastra, Groningen, 1961
- R.O.Winstedt, The Malays, A Cultural History, London, 1958
- R.O.Winstedt, A History of Malaya, JMBRAS, vol. XII, pt. 1, 1935
- R.O.Winstedt, A History of Classical Malay Literature, JMBRAS, vol
XXXI, pt. 3, 1961
- F.J.Moorhead, A History of Malaya and Her Neighbours, vol I, London 1957
- M.G.Eneis, Bunga Rampai Melayu Kuno, Djakarta, 1952
- Sejarah Melayu, edisi Shellabear, Malayan Publishing House, Singapore
1961.
- Sejarah Melayu, edisi Prof.Dr.Teeuw dan T.D.Situmorang, Djakarta 1952
- Sejarah Melayu, MS Raffles 18, JMBRAS, vol. XIV, pt. 1, 1935.
- R.J.Wilkinson, The Malacca Sultanate, JMBRAS vol. XIII, pt.2, 1935
- P.E.De Josselin de Jong and H.L.A.Van Wijk, The Malacca Sultanate,
Journal of Southeast Asian History, vol. 1, no.2, Sep '6
- G.E.Marrison, The Coming of Islam to East Indies, JMBRAS vol. XXIV,
pt. 1, February 1951
- V.C.Purcel, The Chinese Settlement of Malacca, JMBRAS vol. XX, pt. 1, 1947
- Wang Gangwu, Malacca in 1403, Journal of Malaya in History, vol. 7, no 2,
July 1962
- G.E.Marrison, The Chams of Malacca, JMBRAS vol. XXIV, pt. 1, Feb. 1951